

Dr. M arah undang2 cegah kotor (P) dikuat- kuasa segera

UM 3 - SEP 1961

KUALA LUMPUR 2 Sept. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengarahkan semua undang-undang mencegah pengotoran dan membuang sampah merata-rata dikuatkuasakan secepat mungkin.

Perdana Menteri juga mahu langkah-langkah tegas dan berkesan dalam menjaga kebersihan dan pengindahan tidak dihadkan di Bandaraya Kuala Lumpur sahaja, tetapi meliputi semua bandar dan kampung di seluruh negara.

Bercakap kepada para wartawan selepas mesyuarat kabinet di Jabatan Perdana Menteri di sini, beliau berkata ini sejajar dengan hasrat kerajaannya untuk mewujudkan sebuah negara Malaysia yang bersih dan indah.

Untuk mencapai matlamat itu, Datuk Sri Dr. Mahathir menyeru semua pihak, termasuk swasta dan individu memainkan peranan "secara sepenuh masa" untuk memastikan tempat bekerja atau tempat tinggal mereka bersih dan indah.

Beliau menekankan bahawa tujuannya mengarahkan supaya un-

dang-undang mencegah pengotoran dan membuang sampah merata-rata dikuatkuasakan secepat mungkin adalah untuk kebaikan semua pihak.

"Saya harap tidak ada pihak yang merasa teraniaya dengan arahan itu, ia adalah untuk kebaikan kita," katanya.

Perdana Menteri menegaskan langkah-langkah tegas dan berkesan menjaga kebersihan dan pengindahan tidak wajar dihadkan di Kuala Lumpur sahaja malah semua bandar dan kampung di seluruh negara perlu berbuat demikian.

"Di Kuala Lumpur dan bandar-bandar lain, jabatan-jabatan kerajaan, kilang-kilang, pekedai-pekedai dan pihak-pihak lain menjaga kebersihan kawasan mereka dengan rapi dan mengindahkannya dengan menanam pokok-pokok dan lain-lain.

"Ia juga tidak harus dihadkan kepada kawasan pejabat, kilang atau kedai mereka sahaja tetapi kalau boleh sampai ke tepi-tepi jalan berhampiran dengan kawasan mereka," tambahnya.

Beliau berharap para penduduk di kampung-kampung juga mengambil langkah-langkah yang sama.

Menyentuh tentang jabatan-jabatan kerajaan lagi, beliau berkata di samping aspek kebersihan dan pengindahan, mereka juga harus segala kemudahan dalam bangunan mereka termasuk lif dijaga dengan baik.

Di samping itu, Perdana Menteri memberitahu sebagai merangkumi usaha-usaha ini kerajaan akan memberi perhatian khusus kepada kebersihan semua tandas awam di negara ini.

Beliau berkata, ini kerana didapati keadaan tandas-tandas itu dewasa ini adalah tidak memuaskan langsung.

Beliau mengingatkan bahawa keadaan ini boleh menimbulkan imej tidak baik kepada kerajaan dan negara.

Dalam hubungan ini, Datuk Sri Dr. Mahathir memberi amaran bahawa jika keadaan ini dibiarkan berterusan tindakan tegas akan diambil ke atas pihak yang bertanggungjawab ke atasnya.

Perdana Menteri menjelaskan semua ini bukanlah merupakan satu kempen yang kebiasaannya dijalankan dari masa ke semasa tetapi akan dijalankan sepenuh masa dan peruntukan-peruntukan untuk tujuan ini akan disediakan.